


Pak Lah tidak terbabit Kumpulan 11



Abd Rahim Abd Rahman

KUALA LUMPUR: Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi tidak terbabit dalam Kumpulan 11 yang mengheret Umno ke mahkamah sehingga parti keramat orang Melayu itu diharamkan pada 1988.

Ahli Kumpulan 11, Abdul Rahim Abd Rahman, berkata sebaliknya Presiden Umno yang ketika itu memotong jawatan Naib Presiden menasihatkan beliau (Abdul Rahim) supaya tidak meneruskan tindakan memfailkan petisyen membatalkan keputusan pemilihan parti pada 1987.

"Beliau (Abdullah) adalah orang dilantik oleh Majlis Tertinggi (MT) untuk mengadakan rundingan dengan kumpulan itu. Maka tidak benar ba-

hawa Perdana Menteri turut terbabit membawa Umno ke mahkamah.

"Perdana Menteri (Abdullah) kata jangan terburu-buru dan jangan teruskan tindakan itu. Pada saya kalau tidak buat siapa akan buat dan apabila pendirian itu dibuat kenalah terima risiko.

"Ketika itu, banyak kelemahan dalam pentadbiran parti, Mahkamah yang memutuskan Umno haram, bukan Abdul Rahim dan Kumpulan 11," katanya di sini, semalam.

Sidang akhbar itu antara lain bertujuan memberi penjelasan untuk membersihkan nama kumpulan berkenaan yang dituduh sebagai punca dan dalang sehingga menyebabkan pengharaman Umno dan ada yang

lebih teruk mengatakan kumpulan itu yang mengharamkan parti berkenaan.

Katanya, semua ahli Umno yang selama ini salah faham terhadap kumpulan berkenaan perlu memahami permasalahan sebenar sehingga menyebabkan parti itu diharamkan malah menegaskan bahawa mereka tidak mempunyai kuasa untuk mengharamkan Umno.

Abdul Rahim berkata, bekas Perdana Menteri dan Presiden Umno, Tun Dr Mahathir Mohamad adalah orang yang bertanggungjawab mengharamkan Umno.

"Apabila Kumpulan 11 mengemukakan rayuan terhadap penghakiman pertama Hakim Datuk Harun

Hashim memohon satu deklarasi bahawa perhimpunan perwakilan ke-37 Umno tidak sah dan supaya perhimpunan semula dapat diadakan", Dr Mahathir berasa amat gusar dan takut terhadap tuntutan itu..

Abdul Rahim berkata, selamahir dua dekad, badan kehakiman negara mengalami kemelut campur tangan eksekutif khususnya daripada Dr Mahathir.

Katanya, selama itu juga banyak sejarah atau fakta sama ada tidak ditulis dengan betul atau tidak diberitahu dengan betul oleh bekas Perdana Menteri itu terutama mengenai kes pengharaman Umno dan pecatatan Ketua Hakim Negara dan hakim kanan pada 1988.